

BERITA HARIAN

DATE: 1 / 11 / 2007

Malaysia disenarai 24 negara mesra perniagaan

Bank Dunia yakin negara mampu muncul antara 10 terbaik

BH - 1/11/2007

MALAYSIA disenaraikan antara 30 negara teratas yang mudah untuk menjalankan perniagaan dan dengan pembaharuan berterusan dalam kawal selia perniagaan, ia berpotensi muncul antara 10 negara teratas.

Pakar Pembangunan Sektor Swasta Bank Dunia, Justin Yap, berkata Malaysia sebenarnya berada pada kedudukan agak baik di tempat ke-24, yang juga antara 30 negara teratas.

"Persaingan amat sengit memandangkan negara lain yang berkedudukan lebih tinggi juga terus melakukan pembaharuan untuk mengekalkan kelebihan persaingan masing-masing," katanya kepada

pemberita di "Seminar Berniaga" anjuran Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) di Kuala Lumpur, semalam.

Laporan 'Doing Business 2008' menyenaraikan 178 ekonomi yang mu-

“Malaysia hanya perlu tingkat sedikit prosedur kurangkan urusan guna kertas”

Justin Yap
Pakar Pembangunan Sektor Swasta
Bank Dunia

dah untuk menjalankan perniagaan. Malaysia melonjak di tempat ke-24 pada 2007 dan sebelum ini di tempat ke-25.

Dua puluh lima negara teratas, mengikut urutan, ialah Singapura, New Zealand, Amerika Syarikat, Hong Kong, Denmark, United Kingdom, Kanada, Ireland, Australia, Iceland, Norway, Jepun, Finland, Sweden, Thailand, Switzerland, Estonia, Georgia, Belgium, Jerman, Belanda, Latvia, Arab Saudi, Malaysia dan Austria.

Senarai itu berasaskan kepada 10 petunjuk kawal selia perniagaan yang menjejaki masa dan kos bagi memenuhi syarat kerajaan dalam permulaan perniagaan, operasi, da-

gangan, percukaian dan penutupan. Yap berkata, Malaysia hanya perlu meningkatkan sedikit prosedur pentadbiran bagi mengurangkan urusan menggunakan kertas.

"Peningkatan yang diperlukan adalah kecil, anda tidak perlu meluluskan undang-undang baru di Parlimen. Ia agak berdaya maju. Kami tidak sabar untuk melihat pembaharuan seumpamanya yang boleh menempatkan Malaysia di 10 teratas dengan lebih cepat," katanya.

Bagaimanapun, Yap berkata persaingan kekal tinggi memandangkan ekonomi seperti Arab Saudi turut menasarkannya untuk menjadi antara 10 negara teratas menjelang 2010. - Bernama